



## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**24 JUN 2021**

### **MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

#### **PKPD Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah.

Sehingga kini, KKM telah merekodkan 22 kes positif COVID-19 selepas 423 individu disaring dengan kadar kebolehhajangan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim Kedah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD dapat membantu membendung jangkitan dari lokaliti ke kawasan lain dan memudahkan pemantauan ke atas mereka yang sedang dikuarantin.

### **PKPD Kawasan Perindustrian Bestgrade, Pokok Sena, Kedah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kawasan Perindustrian Bestgrade, Pokok Sena, Kedah.

Sebanyak 27 kes positif COVID-19 telah dikesan hasil saringan ke atas 38 individu dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kawasan Perindustrian Bestgrade, Pokok Sena, Kedah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD dapat membantu membendung jangkitan dari lokaliti ke kawasan lain dan memudahkan pemantauan ke atas penghuni yang dikuarantin.

### **PKPD Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes dalam tempoh singkat apabila 12 individu dikesan positif COVID-19 setelah KKM melaksanakan ujian saringan ke atas 18 penduduk di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

### **PKPD Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 14 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 66 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 21.21%.

Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau, Sabah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

### **PKPD Kampung Kuala Merotai, Kalabakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kuala Merotai, Kalabakan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 26 ujian saringan dan 13 daripadanya disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 50.00%.

KKM juga mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kuala Merotai, Kalabakan, Sabah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

### **PKPD Kampung Tahak, Membakut, Beaufort, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tahak, Membakut, Beaufort, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 11 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 98 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 11.22%.

KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tahak, Membakut, Beaufort, Sabah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

## **PKPD Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 252 ujian saringan dan 11 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati kes telah menular dan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Indah Jaya, Sandakan, Sabah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 9 Julai 2021.

Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

**SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my)**

## **Penamatan PKPD Kampung Tajin, Kuala Berang, Terengganu**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tajin, Kuala Berang, Terengganu yang dijadualkan tamat pada 25 Jun 2021.

Sepanjang tempoh itu, KKM telah melakukan 940 ujian saringan dan 52 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Tajin, Kuala Berang, Terengganu pada 25 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

## **Penamatan PKPD 3 taman perumahan di Temerloh, Pahang**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga (3) taman perumahan dalam daerah Temerloh, Pahang yang dijadualkan tamat pada 25 Jun 2021.

Ketiga-tiga taman perumahan tersebut ialah:

- Taman Temerloh Jaya
- Taman Temerloh Jaya Indah
- Taman Temerloh Makmur

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 912 ujian saringan dan empat (4) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di tiga taman perumahan dinyatakan pada 25 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Ladang Tereh Mill, Kluang, Johor**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Tereh Mill, Kluang, Johor yang dijadualkan tamat pada 25 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 312 ujian saringan dan 42 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Ladang Tereh Mill, Kluang, Johor pada 25 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan PKPD Kampung Kolong 2, Kuching, Sarawak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kolong 2, Kuching, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 25 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 289 ujian saringan dan 64 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Kolong 2, Kuching, Sarawak pada 25 Jun 2021 (11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

### **Penamatan Awal PKPD Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan yang dijadualkan tamat pada 27 Jun 2021.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 422 ujian saringan dan 107 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati trend kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan pada 25 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.



## **Penamatan Awal PKPD beberapa lokaliti termasuk 4 Rumah Panjang di Batang Oya, Dalat, Mukah, Sarawak**

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokaliti termasuk empat (4) Rumah Panjang di Batang Oya, Dalat, Mukah, Sarawak yang dijadualkan tamat pada 4 Julai 2021.

Lokaliti tersebut ialah:

- Rumah Panjang Bala anak Umba,
- Rumah Panjang Tulu anak Sli
- Rumah Panjang Duah anak Entingi
- Rumah Panjang Balik anak Gema
- Sekolah Kebangsaan (SK) St Luke
- Klinik Kesihatan Nanga Baoh

Dalam tempoh itu, KKM telah melakukan 110 ujian saringan dan 48 daripadanya disahkan positif COVID-19.

Pada masa sama, KKM mendapati trend kes telah menurun dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di beberapa lokaliti termasuk empat (4) Rumah Panjang di Batang Oya, Dalat, Mukah, Sarawak pada 25 Jun 2021 (11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

## **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 92,994 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,550 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,852 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 761 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 741 individu dikompaun, 19 direman manakala seorang lagi dijamin.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan/minum di premis (197)
- Tidak memakai pelitup muka (152)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (127)
- Tiada penjarakan fizikal (100)
- Membawa penumpang berlebihan (62)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (61)
- Premis gagal patuhi arahan (15)
- Lain-lain (47)

## **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap 14 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan merampas enam (6) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 165 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lapan (8) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 951 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 897 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

## **Operasi Sanitasi Awam**

Semalam, sebanyak 135 operasi sanitasi telah dilaksanakan di seluruh negara yang merangkumi 53 zon merah, zon jingga (3) dan zon kuning (7).

Operasi sanitasi ini melibatkan 756 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta 134 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 28,946 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

## **Kuarantin Wajib**

Semalam, seramai 349 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 232,385 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 75 hotel dan 10 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 7,899 individu telah dikuarantin dan 221,701 orang dibenarkan pulang manakala 2,785 lagi dibawa ke hospital.

## **Barang Keperluan Asas**

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 764 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (569), pemborong (163) dan pengilang (32).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,582 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,565 premis mematuhi SOP manakala 17 lagi dikenakan kompaun.

**Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.**

**#StaySafeStayHome  
#AmalkanKawalanKendiri**

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB  
MENTERI KANAN PERTAHANAN**